



**TEKS UCAPAN
YB DATUK DR. EWON EBIN
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**MAJLIS PERASMIAN
PAMERAN *1001 INVENTIONS*:
KEGEMILANGAN TAMADUN MUSLIM**

**RABU, 2 OKTOBER 2013
PUSAT SAINS NEGARA**

- **Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin**

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan

- **Yang Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah**

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

- **Yang Berbahagia Dato' Dr. Rosli bin Mohamed**

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

...Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Irmawati...

- **Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Irmawati Ramli**
Pengarah Pusat Sains Negara
- **Yang Berusaha Encik Ahmed Salim**
Pengarah Urusan dan Penerbit *1001 Inventions*
- **Yang Berusaha Encik David Oh Seong Keat**
Pengarah Operasi Science Discoveries Sdn. Bhd.
- **Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin**
- **Wakil media massa**
- **Tuan-tuan dan puan-puan, pelajar-pelajar yang dihormati sekalian**

...Selamat pagi, salam sejahtera...

Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi saya amat berbesar hati menerima kehadiran tetamu di majlis perasmian Pameran *1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim* anjuran bersama Pusat Sains Negara dan Science Discoveries Sdn. Bhd. serta 1001 Inventions Limited, UK dengan sokongan Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

...2. *Sehubungan itu,...*

2. Sehubungan itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Datang ke Pusat Sains Negara kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan yang kita semua kasihi, dan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian beliau menjadi Penaung dan sebentar lagi merasmikan Pameran *1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim* ini.

...Para hadirin sekalian,...

Para hadirin sekalian,

3. Untuk makluman semua, pameran ini diiktiraf sebagai '*The World's Best Touring Exhibition*' oleh *Museum & Heritage Excellent Awards 2011* dan telah menerima sambutan yang amat menggalakkan semasa dianjurkan sebelum ini di London, New York, Doha, Istanbul dan beberapa buah bandar raya besar yang lain. Malaysia amat bertuah kerana merupakan negara pertama di Asia Pasifik yang dipilih sebagai lokasi pameran ini yang mana Pusat Sains Negara merupakan lokasi pertama dalam siri jelajah pameran di Malaysia untuk tempoh tiga tahun.

...4. *Pameran ini memaparkan...*

4. Pameran ini memaparkan penemuan-penemuan oleh para ilmuwan Islam dari abad ke-7 hingga ke-17 yang telah menyumbang kepada pembangunan dan pemodenan tamadun. Cendekiawan Islam seperti Ibnu Sina, Al-Zahrawi, Al-Biruni, Ibnu Firnas dan ramai lagi telah merekacipta pelbagai ciptaan seperti mesin, proses, binaan, perubatan dan lain-lain yang ditemui melalui kajian dan penyelidikan yang disokong oleh fakta sains. Penemuan dan ciptaan mereka telah berjaya merubah kehidupan masyarakat kepada keadaan yang lebih maju dan berkualiti.

...5. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi...

5. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), sebagai peneraju sains, teknologi dan inovasi (STI) Negara, sentiasa berusaha dan komited dalam pembangunan bidang sains, teknologi dan inovasi. Melalui agensi-agensinya seperti Pusat Sains Negara, MOSTI sentiasa berusaha supaya aktiviti pendidikan tidak formal seperti ini diteruskan bagi mencetus minat dan meningkatkan kesedaran dalam bidang sains, teknologi dan inovasi kepada masyarakat umumnya dan para pelajar khususnya.

...Para hadirin sekalian,...

Para hadirin sekalian,

6. MOSTI, melalui Dekad Inovasi 2010-2020 telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi mewujudkan pembudayaan serta meningkatkan kesedaran dan memupuk minat seluruh pelusuk rakyat dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.

...7. *Kerjasama pelbagai pihak...*

7. Kerjasama pelbagai pihak terutamanya kerajaan dan swasta sentiasa dialu-alukan. Hasrat ini tercapai melalui penganjuran pameran bertema seperti ini yang dibawa khas oleh Pusat Sains Negara dengan kerjasama strategik Science Discoveries Sdn Bhd dan 1001 Inventions Limited UK serta sokongan padu Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

...8. Usaha sebegini akan diteruskan...

8. Usaha sebegini akan diteruskan pada masa akan datang kerana selain mempromosi kesedaran sains, teknologi dan inovasi kepada masyarakat dan rakyat, ia turut menjadi sumber tarikan pelancong dan menjana pertumbuhan ekonomi negara.

...9. *Sebelum mengakhiri ucapan,...*

9. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan dan kesemua pihak yang terlibat atas komitmen yang diberikan sehingga usaha murni seperti ini dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.